

NEGERI KEDAH

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 26  
Bil. 10

12hb Mei, 1983

TAMBAHAN No. 3  
PERUNDANGAN

**K. P. U. 4.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL (TAMAN) PIHAK-PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN NEGERI KEDAH, 1983

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil:

1. Nama dan Pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Kesalahan.
4. Kemasukan anjing dan binatang.
5. Menjerat dan membunuh ikan, binatang atau burung di-larang.
6. Larangan ke atas kereta lebih dari 2 tan.
7. Anggapan.
8. Kelakuan tidak sopan atau tidak senonoh.
9. Kuasa merampas.
10. Menuntut balik barang rampasan.
11. Penutupan taman.
12. Tuan rumah atau penghuni bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan dan keselamatan pokok dan taman-taman.
13. Kuasa kompaun oleh Yang Dipertua.
14. Penalti.
15. Pemansuhan.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL (TAMAN) PIHAK-PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN NEGERI KEDAH 1983

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah dengan ini membuat dan Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut :

Nama, kuat-kuasa dan Pemakaian.

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil (Taman) Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah 1983** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari, 1983.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah dipakai di kawasan-kawasan yang disebut di dalam Jadual.

Tafsiran.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :

“kenderaan” termasuklah mana-mana kenderaan sama ada bermotor atau yang tidak bermotor;

“Majlis” ertinya mana-mana Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah yang disebutkan di dalam Jadual;

“struktur” ertinya mana-mana bangunan, rumah, pondok, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, warung, meja, tiang, sengkup tempat berteduh, liputan beratap atau mana-mana sambungan atau binaan yang lain dari apa-apa jua bahan, “taman” termasuklah tanah lapang, jalan kecil, lapangan rekreasi atau makan angin, bulatan jalan, pembahagi di pertengahan jalan, tepi jalan, rezab jalan, tebing sungai atau mana-mana lapangan lain yang dilitup atau diselenggarakan oleh Majlis untuk perhiasan atau rekreasi.

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua dan termasuk Setiausaha Majlis;

Kesalahan:

3. Kecuali dengan kebenaran bertulis oleh Yang Dipertua, sesiapa jua di mana-mana taman—

(a) memindah atau mencatitkan apa-apa notis atau Undang-undang Kecil yang ditunjukkan dalamnya;

(b) membawa pada dirinya menampalkan atau melekatkan apa-apa surat “placard”, sepandok, bendera atau iklan pada atau di atas mana-mana tembok, pokok, pagar atau struktur;

(c) menggunakan mana-mana peluang, penguatsuara, sistem siar raya atau lamputumpu;

(d) memindahkan, mengalih, mencatitkan atau merosakkan mana-mana tempat duduk, perkakas padang permainan kanak-kanak atau lain-lain alat;

(e) membuang atau meletakkan apa-apa kotoran, sampah atau buangan;

(f) memanjat mana-mana tembok, pagar, struktur atau pokok;

(g) menunggang, memandu atau menolak mana-mana kenderaan di atas mana-mana padang atau lorongkaki; pejalan kaki; rumput

→ 10  
kws  
msi  
hib  
gh  
Jn  
SS  
per  
ch  
b

- (h) memotong, memetik, memindah, merosak atau membinasakan mana-mana bunga, daun, ranting, benih tanaman atau pokok;
- (i) memindahkan mana-mana rumput bersama tanahnya atau menggalikan mana-mana tanah atau meletakkan atau menempatkan mana-mana tanah;
- (j) berjalan di atas tapak bunga atau pokok <sup>repek</sup>;
- (k) <sup>melontar</sup> membuang atau <sup>melepaskan</sup> melepaskan mana-mana batu atau lain-lain lontaran; <sup>pelempar</sup>;
- (l) menggunakan air dalam tasik, kolam atau anak sungai atau mandi di dalam mana-mana tasik, kolam atau anak sungai kecuali di tempat mandi yang diadakan oleh Majlis bagi maksud itu;
- (m) menggunakan sesebuah bot, atau memancing dalam mana-mana tasik, kolam atau anak sungai atau mengganggu dengan apa-apa cara pengaliran air dari mana-mana tasik atau kolam melalui saluran keluar;
- (n) menyalakan api atau melepaskan <sup>bunga api</sup> bungapi atau mercun atau melepaskan tembakan tanpa apa-apa sebab yang sah dari mana-mana senjata api atau senapang angin tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Yang Dipertua. X
- (o) memainkan layang-layang, kapal terbang mainan atau lain-lain permainan yang boleh terbang atau bermain apa-apa permainan bola kecuali di tempat yang diuntukkan dengan nyata untuk permainan tersebut;
- (p) yang berumur lebih daripada 12 tahun, menggunakan apa-apa perkakas padang permainan kanak-kanak;
- (q) membasuh atau mengering apa-apa barang atau memukul apa-apa hamparan atau tikar;
- (r) mendirikan mana-mana struktur;
- (s) mendedahkan untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman;
- (t) bersyarah atau memberi apa-apa ucapan awam atau berhimpun di taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam apa-apa perjumpaan agama, politik atau apa-apa perjumpaan yang lain atau mengadakan apa-apa tunjuk perasaan;
- (u) menghalang atau mengancam atau mencaci mana-mana pegawai yang diberikuasa atau kakitangan Majlis semasa mereka menjalankan tugas;
- (v) bertugas menjaga atau membasuh mana-mana kenderaan di dalam kawasan sekeliling atau yang berhampiran dengan taman;
- (w) menggunakan apa-apa bahasa lucah atau menyinggung atau berkelakuan dengan cara lucah atau menyinggung terhadap mana-mana pegawai Majlis dalam menjalankan kewajibannya;
- (x) menggunakan apa-apa benda atau alat yang akan menimbulkan sesuatu keadaan merbahaya kepada orang ramai; adalah melakukan suatu kesalahan.

Kemasukan  
anjing dan  
binatang.

4. (a) Tiada sesiapa pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau dalam jagaannya memasuki atau berada dalam mana-mana taman kecuali seekor anjing atau binatang yang bercawak atau di bawah kawaiannya yang sepatutnya.

(b) Jika sesuatu notis dilekatkan oleh Majlis melarang kemasukan anjing ke dalam mana-mana taman, tiada sesiapa pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing kepunyaannya atau dalam jagaannya memasuki atau berada dalam taman tersebut.

Menjerat atau  
membunuh  
ikan, binatang  
atau burung  
dilarang.

5. Tiada sesiapa pun boleh menjerat atau membunuh mana-mana ikan, binatang atau burung di sesuatu taman atau mempunyai dalam miliknya di sesuatu taman alat atau perkakas untuk memancing, menjerat atau membunuh ikan, binatang atau burung.

Kereta lebih  
dari dua tan  
dilarang.

6. Tiada sesuatu kenderaan yang beratnya berserta muatan melebihi dua tan melainkan yang dimiliki oleh Kerajaan atau Badan Berkanun boleh memasuki mana-mana taman tanpa kebenaran bertulis Yang Dipertua.

Anggapan.

7. (1) Tiada sesuatu kenderaan boleh diletakkan di mana-mana tempat dalam mana-mana taman kecuali di sesuatu tempat yang dikhaskan untuk meletakkan kenderaan itu.

(2) Jika Undang-undang Kecil ini dilanggar atau tidak dipatuhi, pemunya berdaftar kenderaan itu hendaklah dianggap sebagai telah melanggar atau tidak mematuhi peruntukan ini jika orang yang sebenarnya melanggar atau tidak mematuhi ini tidak diketahui atau dapat ditemui.

Kelakuan tidak  
sopan atau  
tidak senonoh.

8. (1) Sesiapa jua yang melakukan kesalahan kerana berkelakuan tidak sopan atau tidak senonoh dari apa-apa jenis atau kerana melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini boleh diperintah keluar daripada mana-mana taman oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa atau pegawai polis dan mungkin tidak dibenarkan masuk kemudiannya.

(2) Sesiapa jua yang enggan mematuhi perintah tersebut boleh dikeluarkan dengan kekerasan oleh pegawai Majlis atau pegawai polis tersebut.

*secara bertulis*

Kuasa merampas.

9. Mana-mana pegawai polis atau pegawai Majlis yang diberikuasa boleh merampas mana-mana struktur, alat, perkakas atau kenderaan kepunyaan seseorang yang dengan menasabah disyaki melanggar perenggan (3), (4), (5), (6) dan (7) dan menyimpannya di bawah jagaan tetapi atas tanggungan pemunya.

Menuntut balik  
barang rampasan.

10. (1) Apa-apa tuntutan ke atas mana-mana struktur, alat, perkakas atau kenderaan yang dirampas di bawah perenggan 9 boleh dituntut dalam masa 14 hari dari tarikh rampasan menurut syarat-syarat dan aturcara yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Sekiranya tiada tuntutan dibuat dalam masa 14 hari yang diperuntukkan barang yang dirampas hendaklah dilupuskan atau dimusnahkan oleh Yang Dipertua.

Penutupan ta-  
man.

11. Majlis boleh, pada bila-bila masa membuka, menutup, memperluas atau menguruskan mana-mana taman atau mana-mana bahagian daripadanya seperti yang difikir patut.

12. (1) Majlis boleh menanam apa-apa tanaman atau pokok-pokok di atas mana-mana tanah lapang, tepi jalan atau dihadapan atau berhampiran mana-mana bangunan atau rumah dan setelah selesai kerja tersebut tuan punya rumah atau penghuni bangunan atau rumah tersebut yang mengadap atau hampir dengan tanaman atau pokok itu hendaklah bertanggungjawab menjaga atau menyelenggarakan pertumbuhan dan keselamatan tanaman atau pokok tersebut.

Tuan rumah atau penghuni bertanggung jawab ke atas penyelenggaraan dan keselamatan pokok dan tanaman-tanaman.

(2) Majlis boleh menghendaki mana-mana pemaju perumahan menanam pokok atau tanaman di dalam taman perumahannya atau di mana-mana bahagian di taman perumahannya itu.

13. Yang Dipertua boleh mengikut budibicaranya mengkompaun apa jua kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini dengan mengutip dari orang yang disyaki dengan menasabah telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak lebih daripada tiga ratus ringgit dan juga mengenakan apa-apa bayaran tambahan sebagai kos kerosakan harta benda Majlis yang dirosakkan semasa kesalahan itu dilakukan.

Kuasa Kompaun oleh yang Dipertua.

14. Sesiapa yang melanggar atau enggan mematuhi mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau tidak melebihi satu tahun penjara atau kedua-duanya dan boleh diarahkan membayar balik perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis kerana kerosakan yang telah terkena ke atas harta Majlis.

Penalti.

15. Undang-undang Kecil (Taman) Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kuala Muda Tahun 1979 adalah dengan ini dimansuhkan.

Pemansuhan K. P.U. 12/1980.


#### JADUAL

#### (Undang-undang Kecil 1 (2))

#### PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH

1. Majlis ~~Perbandaran Kota Setar~~ <sup>Bandaraya Alor Star.</sup>
2. Majlis ~~Daerah Kerajaan Tempatan Kuala Muda~~ <sup>Perbandaran Sungai Petani.</sup>
3. Majlis ~~Daerah Kerajaan Tempatan Kulim~~ <sup>Perbandaran</sup>
4. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Baling.
5. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kubang Pasu.
6. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Sik.
7. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Bandar Baharu.
8. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Padang Terap.
9. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Pendang.
10. Majlis ~~Daerah Kerajaan Tempatan Langkawi~~ <sup>Perbandaran Bandaraya Pelancongan.</sup>
11. Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Yan.

PERHUSNAN WISMA NEGERI  
KIDAH DARULAMAN.



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 50  
No. 22

25hb Oktober 2007

*TAMBAHAN No. 9  
PERUNDANGAN*

---

**K. P.U. 10.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(Akta 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL (TAMAN) PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
NEGERI KEDAH (PINDAAN) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Tempatan Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

**Nama, pemakaian dan mula berkuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Taman) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah (Pindaan) 2007**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah dipakai di kawasan-kawasan yang disebut di dalam Jadual.

### Pindaan Undang-Undang Kecil 2

2. Undang-Undang Kecil 2 Undang-Undang Kecil (Taman) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah 1983 [K.P.U. 4. 1983] yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dengan menggantikan takrif “taman” dengan takrif yang berikut—

“taman” termasuklah kawasan lapang, siar kaki di tasik, taman rekreasi atau hiburan, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, jalan rizab anak sungai, sungai, tebing sungai atau mana-mana perkarangan yang disenggara atau di bawah bidang kuasa Majlis”.

### Pindaan Undang-Undang Kecil 3

3. Undang-Undang Kecil 3 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam teks bahasa Melayu—

(a) dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan “peluang, penguatsuara, sistem siaraya atau lamputumpu” dengan perkataan “pelaung, penguat suara, sistem siar raya atau lampu tumpu”.

(b) dalam perenggan (g) dengan menggantikan perkataan “menunggang, memandu atau menolak mana-mana kenderaan di atas mana-mana padang atau lorongkaki” dengan perkataan berikut—

“menunggang, memandu atau menolak mana-mana kenderaan di atas mana-mana rumput atau lorong pejalan kaki”.

(c) dalam perenggan (j), dengan menggantikan perkataan “remek” dengan perkataan “renek”:

(d) dalam perenggan (k) dengan menggantikan perkataan “membuang atau melepaskan mana-mana batu atau lain-lain lontaran” dengan perkataan berikut—

“melontar membuang apa-apa batu atau lain-lain pelempar”.

(e) dalam perenggan (n) dengan menggantikan perkataan “bungapi” dengan perkataan “bunga api”;

### Pindaan Undang-Undang Kecil 9

4. Undang-Undang Kecil 9 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan Undang-Undang Kecil yang berikut—

“Mana-mana pegawai polis atau pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis boleh merampas mana-mana struktur, alat, perkakas atau kenderaan kepunyaan seseorang yang dengan munasabah disyaki melanggar Undang-Undang Kecil 3, 4, 5, 6 dan 7 dan menyimpannya di bawah jagaan tetapi atas tanggungan pemunya”.

### Pindaan Undang-Undang Kecil 10

5. Undang-Undang Kecil 10(1) Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “perenggan” dengan perkataan “Undang-Undang Kecil”.

### Pindaan Undang-Undang Kecil 15

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong Undang-Undang Kecil 15.

### Pindaan Jadual

7. Jadual yang dirujuk berdasarkan Undang-Undang Kecil 1(2) mengenai nama Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah dipinda—

- (a) dalam Jadual (1), dengan menggantikan perkataan “Majlis Perbandaran Kota Setar” dengan perkataan “Majlis Bandaraya Alor Star”.
- (b) dalam Jadual (2) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kuala Muda” dengan perkataan “Majlis Perbandaran Sungai Petani”.
- (c) dalam Jadual (3) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kulim” dengan perkataan “Majlis Perbandaran Kulim”.
- (d) dalam Jadual (4) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Baling” dengan perkataan “Majlis Daerah Baling”.
- (e) dalam Jadual (5) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Kubang Pasu” dengan perkataan “Majlis Daerah Kubang Pasu”.
- (f) dalam Jadual (6) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Sik” dengan perkataan “Majlis Daerah Sik”.
- (g) dalam Jadual (7) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Bandar Baharu” dengan perkataan “Majlis Daerah Bandar Baharu”.
- (h) dalam Jadual (8) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Padang Terap” dengan perkataan “Majlis Daerah Padang Terap”.
- (i) dalam Jadual (9) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Pendang” dengan perkataan “Majlis Daerah Pendang”.

- (j) dalam Jadual (10) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Langkawi” dengan perkataan “Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan”.
- (k) dalam Jadual (11) dengan menggantikan perkataan “Majlis Daerah Kerajaan Tempatan Yan” dengan perkataan “Majlis Daerah Yan”.

Bertarikh 8 Ogos 2007

[PSU(K) 427/1419 Jd. 2 SK]

ABD. RASHID BIN OTHMAN  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
 Kedah*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
 (Act 171)

LOCAL AUTHORITY OF KEDAH (PARKS) (AMENDMENT)  
 BY-LAWS 2007

IN exercise of the powers conferred by section of 102(f) of the Local Government Act 1976, the Local Authority of Kedah hereby makes, and pursuant to section 103 of the Act, the State Authority confirms, the following By-Laws—

**Citation, application and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the Local Authority of Kedah (Parks) (Amendment) By-Laws 2007.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

(3) These By-Laws shall apply only to the areas mentioned in the Schedule.

**Amendment of By-Law 2**

2. By-Law 2 of the Parks State Local Authority of Kedah By-Laws 1983 [*K.P.U.4. 1983*] which in these By-Laws are referred to as “principle By-Laws”, is amended by substituting for the definition of “parks” the following definition—

“parks” includes open spaces, lake’s walks, recreation or pleasure grounds, roundabouts, central dividers along roads, sides of roads, road reserves, stream, rivers, river bank or any other grounds maintained or under the jurisdiction of the Council”.

### Amendment of By-Law 3

3. By-Law 3 of the Principle By-Laws is amended, in the English language text—
- (a) In paragraph (c) by substituting for the words “spot light” the word “spotlight”.
  - (b) in paragraph (d) by substituting for the word “damages” the word “destroys”.
  - (c) in paragraph (m) by substituting for the word “or” before the word water the word “of”.
  - (d) in paragraph (u) by substituting for the word “his” before the word duties the word “their”.

### Amendment of By-Law 5

4. By-Law 5 of the Principle By-Laws is amended, in the English language text, by substituting for the word “devices” the word “devise”.

### Amendment of By-Law 9

5. The Principle By-Laws is amended by substituting for By-Law 9 the following by-laws—

“Any police officer or authorised officer of the Council given power in writing may seize any structure, instrument, apparatus or vehicle belonging to any person reasonably suspected of contravening By-Laws 3, 4, 5, 6 and 7 and shall put them into custody at the owners risk”.

### Amendment of By-Law 10

6. By-Law 10(1) of the Principle By-Laws is amended by substituting for the word “paragraph” the word “By-Law”.

### Amendment of By-Law 15

7. The Principle By-Laws is amended by deleting By-Law 15.

### Amendment of Schedule

8. The areas mentioned in the Schedule of By-Law 1(2) are amended—

- (a) in the Schedule number (1) by substituting for the words “The Municipal council of Kota Setar” the words “The Alor Star City Council”.

- 
- (b) in the Schedule number (2) by substituting for the words "The District Local Government Council of Kuala Muda" the words "The Municipal Council of Sungai Petani" .
- (c) in the Schedule number (3) by substituting for the words "The District Local Government Council of Kulim" the words "The Municipal Council of Kulim".
- (d) in the Schedule number (4) by substituting for the words "The District Local Government Council of Baling" the words "The District Council of Baling".
- (e) in the Schedule number (5) by substituting for the words "The District Local Government Council of Kubang Pasu" the words "The District Council of Kubang Pasu".
- (f) in the Schedule number (6) by substituting for the words "The District Local Government Council of Sik" the words "The District Council of Sik".
- (g) in the Schedule number (7) by substituting for the words "The District Local Government Council of Bandar Baharu" the words "The District Council of Bandar Baharu".
- (h) in the Schedule number (8) by substituting for the words "The District Local Government Council of Padang Terap" the words "The District Council of Padang Terap".
- (i) in the Schedule number (9) by substituting for the words "The District Local Government Council of Pendang" the words "The District Council of Pendang".
- (j) in the Schedule number (10) by substituting for the words "The District Local Government Council of Langkawi" the words "The Municipal Council of Langkawi The Tourism City".
- (k) in the Schedule number (11) by substituting for the words "The District Local Government Council of Yan" the words "The District Council of Yan".

Dated 8 August 2007  
[PSU(K) 427/1419 Jd. 2 SK]

ABD. RASHID BIN OTHMAN  
*Clerk of The State Executive Council*  
Kedah